

Pemimpin Melayu Perlu Perjuang Nasib Orang Melayu – KMPP
Bername
22 Mei, 2012

GEORGE TOWN, 22 Mei (Bernama) -- Kongres Melayu Pulau Pinang (KMPP) pada Selasa menggesa pemimpin-pemimpin Melayu terutama di Pulau Pinang supaya memperjuangkan nasib orang Melayu.

Presiden KMPP Rahmad Isahak berkata adalah satu kewajipan bagi orang Melayu menolak pemimpin-pemimpin yang tidak memberi keutamaan kepada bangsanya sendiri.

"Adalah menjadi tanggungjawab kepada pemimpin Melayu untuk membuktikan bahawa mereka telus untuk memperjuang nasib anak bangsa mereka...itu adalah kewajipan yang harus mereka laksanakan," katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Beliau berkata pemimpin Melayu di Pulau Pinang perlu memainkan peranan memandangkan masyarakat Melayu di negeri itu mula dipinggirkan.

Rahmad juga meminta kerajaan negeri pimpinan DAP menjelaskan dakwaan bekas timbalan ketua menteri Pulau Pinang Dr Mohammad Fairus Khairuddin yang mendedahkan lebih 18,000 orang Melayu negeri ini berhijrah ke negeri lain kerana tidak mampu menampung kos sara hidup yang terlalu tinggi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667720>